

Implikasi Gangguan Bunyi Kadazandusun terhadap Sebutan dan Makna Rukun Qawliyy dalam Ibadah Solat

The Implications of Kadazandusun Sound Interference on Pronunciation and Meaning of Verbal Pillars in Prayer

Mohd. Taqwudin Mohd. Yazid ^{a,*}, Mohammad Najib Jaffar ^b, Mohd Nizwan Musling ^b, Norazman Alias ^c, Mohammad Ali Abdullah^a

^aPusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

^bFakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^cIqra' Centre for Ummah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: mohdtaqwudin@ums.edu.my

Article history

Received: 2025-04-26 Received in revised form: 2025-07-07 Accepted: 2025-07-09 Published online: 2025-10-31

Abstract

The Kadazandusun Muslim community, like other adherents of Islam, is obligated to perform prayers (ṣalāh) in a proper manner. However, the differences in the phonetic systems between their mother tongue and the Arabic language pose significant challenges in articulating the recitations performed during prayers. Therefore, this study aims to explore the implications of such language interference by describing the changes in pronunciation and meaning caused by the influence of Kadazandusun phonological features on the recitation of rukun qawliyy (verbal pillars) during prayer. Three key research questions guide this study (1) What are the implications of Kadazandusun phonological interference on the pronunciation of Arabic letters?, (2) How does Kadazandusun phonological interference affect the meaning of the recitation in rukun qawliyy during prayer?, and (3) What are the implications of Kadazandusun phonological interference on the validity of rukun qawliyy in prayer? This qualitative study employs a library research methodology as the primary means of data collection. The findings of the study indicate that native speakers of the Kadazandusun language (BKD) are at risk of committing various pronunciation errors that could lead to changes in sound and meaning, particularly in the recitations required during prayer, specifically the qawliyy components. These errors evidently compromise the perfection of the qawliyy elements. It is hoped that this study will not only contribute to the improvement of Arabic language education but also help ensure the validity of worship practices among the Kadazandusun community in Sabah, particularly through the development of an Arabic learning module tailored for worship purposes within the framework of Fiqh Sabahi.

Keywords: Language interference, Arabic language, Kadazandusun language, Rukun qawliyy, Prayer (ṣalāh).

Abstrak

Masyarakat Kadazandusun Muslim sebagaimana penganut agama Islam yang lain dituntut untuk melaksanakan ibadah solat secara sempurna. Walaubagaimanapun, perbezaan sistem fonetik antara bahasa ibunda mereka dan bahasa Arab memberikan cabaran besar semasa melafazkan bacaan-bacaan dalam ibadah solat. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan merungkai telahan gangguan bahasa Kadazandusun dan implikasinya terhadap perubahan sebutan dan makna bahasa Arab sekiranya gangguan tersebut berlaku semasa penutur jati Kadazandusun membaca rukun *qawliyy* dalam ibadah solat. Tiga persoalan kajian telah digariskan iaitu (1) Apakah implikasi gangguan bunyi Kadazandusun terhadap sebutan huruf Arab?, (2) Apakah implikasi gangguan bunyi Kadazandusun terhadap makna bacaan bagi rukun *qawliyy* dalam ibadah solat?, dan (3) Apakah implikasi gangguan bunyi Kadazandusun terhadap kesempurnaan rukun *qawliyy* dalam ibadah solat?. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan sebagai medium pengumpulan data. Dapatan kajian menunjukkan penutur jati bahasa Kadazandusun (BKD) berisiko tergelincir melakukan pelbagai telahan kesalahan bacaan yang dikenalpasti memacu perubahan bunyi sebutan dan makna dalam bacaan ibadat solat khususnya rukun *qawliyy*. Kesalahan-kesalahan tersebut jelas merosakkan kesempurnaan rukun *qawliyy* tersebut. Diharapkan kajian ini bukan hanya menyumbang kepada penambahbaikan pendidikan bahasa Arab, bahkan membantu memastikan kesahihan ibadah dalam kalangan komuniti Kadazandusun, Sabah khususnya melalui pembentukan modul pembelajaran bahasa Arab bagi tujuan ibadah dalam kerangka Fiqh Sabahi.

Keywords: Gangguan bahasa, Bahasa Arab, Bahasa Kadazandusun, Rukun qawliyy, Ibadah solat.

1.0 PENGENALAN

Etnik Kadazandusun merupakan kumpulan etnik terbesar di Sabah dengan bilangan anggota sekitar 17.8 % daripada keseluruhan komposisi penduduk (Mohd Hamdan, 2013) manakala penempatan masyarakat etnik tersebut tersebar di dua bahagian utama Sabah iaitu pantai barat dan pantai timur (Ehala, 2010). Etnik tersebut terpecah kepada 12 suku kecil seperti Dusun Tungku, Dusun Rungus, Dusun Tatana, Dusun Papar, Dusun Tagas, Dusun Tempasuk, Dusun Tambunan, Dusun Lotud, Dusun Kiau, Dusun Tagas, Dusun Penampang, dan Dusun Ranau (Noor Aina & Mhd. Amin, 1998).

Dari segi amalan dan kepercayaan, etnik Kadazandusun pada awalnya memegang kepercayaan animisme, namun setelah kemasukan agama Islam dan Kristian di Sabah yang masing-masing pada tahun 1300 (Mat Zin, 2003) dan 1859 (Regina, 2008), etnik tersebut menjadi antara etnik peribumi yang dominan dengan agama Kristian manakala etnik Bajau pula dominan dengan agama Islam (Mohd Nur Hidayat Hasbollah et al., 2021). Kebangkitan gerakan dakwah Islam yang berlaku dengan pesat, khususnya melalui usaha keras Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) di bawah kepimpinan Tun Datu Mustapha pada tahun 1967 hingga tahun 1976, telah menyumbang kepada perubahan signifikan terhadap landskap beragama di Sabah dengan Islam telah mendominasi jumlah penganut paling ramai. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan berdasarkan bancian tahun 1970 penganut Islam didapati membentuk 60% komposisi penduduk Sabah dan 30% selebihnya adalah dalam kalangan bukan Islam. Seterusnya bancian tahun 2010 mendapati jumlah penganut Islam meningkat kepada 65% dan 35% bagi yang bukan Islam (Mohd Nur Hidayat Hasbollah et al., 2021). Gerakan dakwah tersebut secara langsung turut sama meningkatkan bilangan penganut Islam dalam kalangan masyarakat Kadazandusun dan seterusnya mendorong pembentukan semula budaya dan kehidupan beragama dalam kalangan mereka.

1.1 Masyarakat Kadazandusun di Ranau Sebagai Penganut Agama Islam yang Aktif

Daerah Ranau menjadi daerah yang paling aktif menjalankan aktiviti keagamaan pada tahun 1991. Pada ketika itu pelbagai pihak, seperti Pegawai Dakwah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Menteri Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan lain-lain, berusaha gigih untuk memperkasa gerakan dakwah dan memperkukuh identiti kehidupan beragama dalam kalangan anggota masyarakat Kadazandusun melalui penganjurkan kursus fardhu ain dan fardhu kifayah. Tambahan itu, usaha libat sama institusi dakwah seperti Pusat Latihan Dakwah Islam Kundasang di bawah kendalian Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) turut merencanakan lagi usaha menyuburkan penghayatan Islam di daerah Ranau (Saif@Shaiffudin, 2010). Pada tahun 2020, jumlah populasi Kadazandusun Muslim di daerah Ranau berdasarkan statistik pengislaman Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS), daerah Ranau adalah seramai 48637 orang (Sobi@Mohd Sobi Hadipin, 2020).

Tegasnya, kemasukan Islam, di Sabah secara umum dan dalam kalangan masyarakat Kadazandusun secara khusus, benar-benar telah membawa perubahan terhadap norma kehidupan seharian dan budaya masyarakat setempat selari dengan definisi kehidupan beragama dalam Islam yang berpaksikan konsep *al-Tadayyun* (beragama) dalam erti kata beriman dan beramal dengan seluruh ajaran Islam sebagai satu cara hidup yang holistik (Suraya Sintang, 2013).

1.2 Bahasa Kadazandusun dan Cabaran Bacaan dalam Ibadat Keagamaan

Walaupun bagaimanapun, penutur jati bahasa Kadazandusun (BKD) tidak terlepas daripada menghadapi cabaran dalam mengerjakan amal ibadah yang dituntut oleh Islam contohnya ibadah

solat. Antara cabaran yang dihadapi oleh Kadazandusun Muslim adalah kesukaran dalam menyebut beberapa huruf Arab dengan tepat khususnya ketika membaca secara jelas rukun *qawliyy* solat disebabkan perbezaan sistem bunyi yang wujud di antara kedua-dua bahasa tersebut (Mohd. Taqwudin et al., 2020; Mohd. Taqwudin & Veronica, 2019).

Umum mengetahui, Islam menuntut setiap penganutnya agar memastikan bacaan dalam solat mereka dilakukan dengan betul apatah lagi pada bacaan yang bersangkutan paut dengan rukun solat. Hal ini kerana, rukun merupakan elemen utama dalam ibadah yang menjadi asas sahnya sesuatu ibadah. Menurut pandangan muktamad, solat mempunyai 13 rukun, termasuk *tuma'ninah* yang diletakkan di bawah rukun-rukun tersebut. Rukun-rukun ini terbahagi kepada empat kategori iaitu rukun *qawliyy* (ucapan), rukun *fi'liyy* (perbuatan), rukun *ma'naviyy* (makna), dan rukun *qalbiyy* (hati). Rukun *qawliyy* melibatkan lima perkara termasuk *takebiratul ihram*, bacaan al-Fatihah, tasyahhud akhir, selawat ke atas Nabi Muhammad SAW dalam tasyahhud akhir, dan salam. Ia dinamakan rukun *qawliyy* kerana setiap bacaan perlu dilafazkan dengan suara yang sekurang-kurangnya boleh didengari oleh diri sendiri. Rukun *fi'liyy* pula merangkumi enam perbuatan iaitu berdiri, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, dan duduk pada tasyahhud akhir. Sementara itu, rukun *ma'naviyy* hanya satu iaitu tertib, dan rukun *qalbiyy* juga satu iaitu niat (Al-Kaf, 2003; al-Husainiy, 2001; al-Syirazi, 2003). Gabungan pelaksanaan keempat-empat rukun ini akan menatijahkan amal ibadah solat yang bertepatan dengan hukum syarak.

Pelaksanaan rukun *qawliyy* secara sempurna tidak hanya menandakan kepatuhan kepada tuntutan syariat tetapi juga mempengaruhi sah-batal ibadah solat seseorang. Kesan utama daripada pelaksanaan rukun *qawliyy* adalah memperkukuhkan kesedaran rohani melalui penghayatan makna bacaan, meningkatkan khushyuk dalam ibadah, serta memupuk hubungan yang lebih mendalam antara seorang hamba dengan Allah SWT. Ketidakpatuhan kepada rukun *qawliyy*, sama ada dalam bentuk pengabaian atau kesalahan bacaan, boleh menyebabkan solat menjadi tidak sah dan kehilangan nilai spiritual yang seharusnya diperoleh daripada ibadah tersebut. Oleh itu, pemahaman yang mendalam dan penguasaan bacaan rukun *qawliyy* adalah asas kepada pelaksanaan solat yang sempurna.

Kepentingan memelihara rukun *qawliyy* dalam ibadah solat bersandarkan dengan sabda baginda SAW (Sahih al-Bukhari, h.757) seperti berikut:

Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW masuk ke dalam masjid, lalu datang seorang lelaki dan solat. Kemudian lelaki itu datang memberi salam kepada Rasulullah SAW, lalu Rasulullah SAW menjawab salamnya. Baginda berkata: "Kembalilah dan solatlah semula, kerana sesungguhnya engkau belum solat". Lelaki itu pun kembali dan menunaikan solat sebagaimana yang dilakukannya sebelum ini. Kemudian dia datang lagi kepada Nabi SAW dan memberi salam. Rasulullah SAW menjawab: "Wa'alaike salam," lalu bersabda: "Kembalilah dan solatlah semula, kerana sesungguhnya engkau belum solat". Perkara ini berlaku sebanyak tiga kali. Akhirnya lelaki itu berkata: "Demi Tuhan yang mengutusmu dengan kebenaran, aku tidak tahu melainkan apa yang telah aku lakukan. Maka ajarilah aku". Baginda SAW bersabda: "Apabila engkau bangun untuk solat, bertakbirlah (takbirah al-Ihram), kemudian bacalah apa yang mudah bagimu daripada al-Quran. Kemudian rukuklah sehingga engkau tenang dalam rukuk. Kemudian bangunlah sehingga engkau berdiri tegak. Kemudian sujudlah sehingga engkau tenang dalam sujud. Kemudian bangkitlah sehingga engkau tenang dalam duduk. Lakukanlah sedemikian dalam semua solatmu".

Dalam hadis tersebut, difahami bahawa Rasulullah SAW menegur lelaki yang melakukan solat tanpa melengkapkan rukunnya seperti rukun *fi'liyy* dan rukun *qawliyy* serta sifat ketenangan ketika melakukan rukun (*tuma'ninah*). Ini menunjukkan bahawa kualiti solat lebih penting daripada sekadar melakukannya dengan cepat atau asal selesai. Menurut Ibn Hajar al-'Asqalaniy (2013), lelaki dalam hadis ini tidak tahu bahawa solatnya tidak sah kerana beliau tidak memahami syarat-syarat

dan rukun solat yang sebenar. Tegasnya, solat yang dilakukan dengan betul pula dan menepati rukunnya adalah asas keimanan yang diterima oleh Allah SWT dan hadis ini menjadi panduan penting dalam memahami kesempurnaan ibadah solat. Sebaliknya, kejahilan dalam ibadah boleh membawa kepada amalan yang tidak diterima.

1.3 Gangguan Bahasa secara Fonetik sebagai Gangguan Bunyi

Kesukaran yang dihadapi oleh etnik Kadazandusun berhubung tatacara menyebut beberapa huruf Arab dengan tepat khususnya ketika membaca secara jelas rukun *qanliyy* solat berpunca daripada gangguan bahasa. Secara khususnya, gangguan bahasa tersebut berlaku dari segi fonetik kerana terdapat bunyi-bunyi dalam bahasa Arab yang jauh berbeza dengan bunyi yang terdapat dalam bahasa Kadazandusun, sama ada dari segi mekanisme artikulasi dan bahagian artikulator. Selain aspek fonetik, gangguan bahasa juga boleh berlaku dalam aspek fonologi, morfologi, sintaksis, dan semantik (Mohd Azidan, 2004).

Perlu dijelaskan fonetik dan fonologi adalah dua bidang linguistik yang berbeza meskipun keduanya mengkaji bunyi bahasa manusia dan mempunyai perkaitan erat antara satu sama lain. Fonetik mengkaji bunyi bahasa manusia dari berbagai segi pengeluaran dan pendengaran, dan menghuraikan setiap bunyi daripada sesuatu bahasa menurut ciri-ciri artikulasi, akustik dan auditorinya, dan kemudian memasukkan bunyi-bunyi itu ke dalam golongan masing-masing. Pada masa yang sama, fonologi berbeza kerana mengambil manfaat daripada kajian fonetik dengan melihat bunyi-bunyi berdasarkan fungsinya dalam bahasa tertentu, berapakah di antara bunyi tersebut yang mempunyai peranan dalam mewujudkan makna dalam komunikasi, serta juga peranan bunyi-bunyi dalam konteks sosial seperti konteks geografi dan sosial (Asmah, 2018). Tegasnya, tanpa fonetik, tidak akan ada fonologi.

Gangguan bahasa secara fonetik juga dikenali sebagai gangguan bunyi. Gejala tersebut merujuk kepada perubahan atau peralihan dalam penghasilan bunyi bahasa yang menyebabkan penyimpangan daripada sebutan standard atau makna asal sesuatu ujaran. Crystal (2008) menyatakan bahawa gangguan ini sering berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti interferensi bahasa lain, variasi dialek, atau kekangan artikulasi. Dalam masyarakat multilingual seperti Malaysia, gangguan bunyi akan menjadi lebih ketara disebabkan interaksi yang terhasil antara bahasa ibunda, dialek tempatan, dan bahasa lain yang ingin dituturkan seperti bahasa Arab (Ladefoged & Johnson, 2015). Menurut Tiankun (2021), faktor pendedahan kepada pelbagai dialek atau bahasa sering menghasilkan variasi bunyi. Perkara ini memberi cabaran besar kepada individu untuk mengekalkan sebutan standard bahasa kedua atau asing yang dituturkan sehingga boleh membawa kepada kesalahan dalam cara sebutan, intonasi dan tekanan suara. Justeru, analisis fonetik dan fonologi adalah antara instrumen penting bagi mengenal pasti perubahan bunyi yang melibatkan aspek pola artikulasi dan akustik. Dalam konteks ini, bahasa ibunda seperti bahasa Kadazandusun berpotensi besar mempengaruhi penuturan bahasa Arab, khususnya dalam bacaan ayat Al-Quran dan rukun *qanliyy* ibadah solat yang memerlukan ketepatan sebutan untuk memastikan kesahihan ibadah.

Ciri-ciri gangguan bunyi merangkumi fenomena seperti penyederhanaan fonetik, substitusi bunyi, penambahan fonem, atau pengguguran bunyi tertentu. Katamba (2005) menyatakan bahawa penyederhanaan fonetik adalah strategi lazim bagi penutur yang berhadapan dengan kesukaran menghasilkan bunyi yang tidak wujud dalam sistem fonologi bahasa asal mereka. Sebagai contoh, penggantian bunyi konsonan س (s) kepada ش (sh) dalam bahasa Arab oleh penutur bukan asli mencerminkan interferensi fonologi (O'Grady, Archibald, Aronoff, & Rees-Miller, 2011; Tanner

et al., 2022). Kajian oleh Arjmandi dan Behroozmand (2022) mengesahkan bahawa gangguan seperti ini bukan sahaja mempengaruhi kejelasan pertuturan tetapi juga boleh mengubah makna ujaran. Dalam konteks bacaan rukun *qawliyy*, kesalahan kecil dalam sebutan seperti bunyi huruf ha' (ح) kepada ha (ه) boleh membawa kepada perubahan drastik makna, seterusnya menjejaskan keabsahan ibadah (Al-Jurjani, 1992).

Punca gangguan bunyi dapat diklasifikasikan kepada tiga faktor utama iaitu biologi, sosiolinguistik dan pendedahan. Faktor biologi ialah perbezaan struktur artikulasi memainkan peranan dalam variasi bunyi antara individu atau kelompok etnik (Ladefoged, 1997). Adapun faktor sosiolinguistik seperti pengaruh bahasa ibu atau dialek tempatan menjadi penyumbang utama dalam kes gangguan bunyi seperti yang berlaku dalam kalangan masyarakat Kadazandusun (Asmah, 1992). Faktor ketiga pula ialah kekurangan pendedahan kepada pengajaran bahasa kedua atau asing seperti bahasa Arab secara berstruktur dan sistematik bahkan ia menjadi menjadi faktor kritikal (Harun, 2018). Penutur yang tidak terlatih dalam penguasaan *makhruj* (tempat keluar atau titik artikulasi suatu huruf) dan tajwid cenderung melakukan kesalahan yang boleh menjejaskan kejelasan dan keabsahan bacaan.

1.4 Gangguan Bunyi BKD mempengaruhi Aspek Sebutan dan Makna Bahasa Arab

Implikasi gangguan bunyi ini boleh dilihat dalam dua aspek utama iaitu aspek sebutan dan aspek makna. Adapun dalam aspek sebutan, gangguan fonetik daripada bahasa ibunda atau dialek tempatan boleh menjejaskan sebutan huruf bahasa lain yang dipelajari. Sebagai contoh, gangguan seperti penggantian bunyi konsonan (ع) kepada (a) atau (o) dalam kalangan penutur bukan Arab adalah kesan daripada kekangan artikulasi yang berlaku akibat perbezaan sistem fonetik bahasa asal (Harun, 2018; Alotaibi, 2021), dengan penggantian huruf-huruf Arab yang tidak wujud dalam fonetik mereka dengan bunyi yang lebih mesra dan mudah bagi Bahasa atau dialek asal (Asmah, 1992). Begitu juga, penambahan vokal untuk memudahkan artikulasi melalui perubahan kluster konsonan merupakan satu strategi yang relevan bagi memahami gangguan sebutan khususnya dalam bahasa Arab. Justeru, penekanan kepada aspek fonetik melalui kaedah pedagogi tertentu dapat memperbaiki penguasaan bunyi bahasa kedua (Sarif dan Nurharini, 2022), apatah lagi apabila fonem bahasa ibunda atau dialek tempatan jauh berbeza dengan bahasa Arab.

Dalam aspek gangguan fonologi pula, pengaruh bunyi bahasa ibunda atau dialek tempatan terhadap sebutan huruf bahasa Arab boleh menjejaskan makna perkataannya. Kajian Abdul Rahman dan Ismail (2020) mendapati bahawa kesalahan sebutan huruf tertentu seperti ha (ه) yang digantikan dengan kha (خ) boleh mengubah makna bacaan rukun *qawliyy*, seterusnya mempengaruhi kesahihan dan keberkesanan ibadah (Al-Nawawi, 2014). Kesalahan dalam tekanan (*nabrah*) pada fonem atau suku kata tertentu serta intonasi juga boleh membawa kepada salah faham makna yang lebih luas sehingga boleh menjadikan pengajaran tajwid sebagai elemen kritikal dalam pembelajaran bahasa Arab (Chaer et al., 2022). Oleh itu, pengajaran fonologi Al-Quran dalam kalangan pelajar dengan latar belakang linguistik yang berbeza memerlukan penyesuaian khas untuk memastikan makna tidak terganggu, terutamanya dalam bacaan ayat-ayat yang wajib dituturkan dalam ibadat seperti surah Al-Fatihah dan ketika berkomunikasi (Saputra, 2023).

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun kajian-kajian lepas berkaitan dijalankan seperti dinyatakan sebelum ini, dilihat masih terdapat jurang penyelidikan. Ini kerana kajian sedia ada lebih banyak memberi tumpuan

kepada pengajaran bahasa Arab kepada penutur bukan asli secara umum, tetapi kajian khusus yang menghubungkan gangguan bunyi bahasa ibunda seperti bahasa Kadazandusun dengan sebutan bahasa Arab dalam konteks rukun *qawliyy* masih terhad. Ia seperti yang dilakukan oleh Abdul Rahman dan Ismail (2020) yang hanya membincangkan keperluan pedagogi pembelajaran tajwid tanpa menghubungkannya secara mendalam dengan pengaruh latar belakang fonologi bahasa ibunda atau dialek penutur. Sementara itu, Asmah (1992) membincangkan isu pertembungan bahasa dalam konteks multilingual tetapi tidak mengaitkannya secara langsung dengan pengaruh dialek seperti Kadazandusun terhadap bacaan rukun *qawliyy* solat. Ini menunjukkan wujudnya jurang pengetahuan (*knowledge gap*) mengenai hubungan menyeluruh antara gangguan bunyi dan implikasi praktikalnya terhadap kesempurnaan ibadah. Kajian ini juga mendapati jurang teori (*theoretical gap*) kerana kurangnya model atau pendekatan yang mempertimbangkan pengaruh spesifik fonologi dialek tempatan terhadap bacaan rukun *qawliyy* solat. Dari perspektif praktikal pula, terdapat kekurangan pendekatan pedagogi yang direka khusus untuk menangani gangguan bunyi di kalangan komuniti minoriti seperti Kadazandusun.

Justeru, terdapat keperluan yang signifikan untuk mengisi jurang ini dengan meneroka hubungan antara gangguan bunyi Kadazandusun, perubahan makna dalam bacaan Al-Quran, dan implikasinya terhadap kesahihan ibadah solat khususnya dalam rukun *qawliyy*. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan dengan tujuan merungkai telahan gangguan bahasa Kadazandusun dan implikasinya terhadap perubahan sebutan dan makna bahasa Arab sekiranya gangguan tersebut berlaku semasa penutur jati Kadazandusun membaca rukun *qawliyy* dalam ibadah solat.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai tujuan kajian tersebut, kajian ini menggariskan tiga persolan kajian:

1. Apakah implikasi gangguan bunyi Kadazandusun terhadap sebutan huruf Arab?
2. Apakah implikasi gangguan bunyi Kadazandusun terhadap makna bacaan bagi rukun *qawliyy* dalam ibadah solat?
3. Apakah implikasi gangguan bunyi Kadazandusun terhadap kesempurnaan rukun *qawliyy* dalam ibadah solat?

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. Data kajian akan dikumpul menggunakan kaedah kepustakaan bagi menganalisis pelbagai dapatan kajian lepas yang bersesuaian dengan keperluan kajian. Pendekatan kajian kepustakaan merujuk kepada pengumpulan data sekunder yang diperoleh daripada dokumen dan rekod-rekod sedia ada, bukannya data primer yang dihasilkan melalui kajian lapangan (Mohd Shaffie, 1991). Data sekunder ini terdiri daripada maklumat yang telah diolah dan dirumuskan oleh pihak lain, menjadikannya sumber rujukan yang bernilai untuk memahami kosa ilmu dan kajian terdahulu yang berkaitan (Nirwana & Zulkifley, 2016). Dalam konteks kajian ini, pengumpulan data melibatkan penelitian bahan-bahan literatur seperti buku ilmiah, tesis, artikel prosiding, dan artikel jurnal yang berkaitan dengan bidang linguistik perbandingan, ilmu Tajwid, pengajian Islam dan perkembangan masyarakat Kadazandusun Muslim di daerah Ranau.

Di samping itu, kajian ini menjadikan teori Analisis Kesalahan Bahasa sebagai sandaran pelaksanaan kajian dengan memberi tumpuan pada aspek kesalahan pemindahan (*interlingual error*). Menurut Richards et al. (1992) kesalahan pemindahan bertitik tolak daripada gangguan bahasa

ibunda atau lebih tepatnya berpunca daripada tabiat bahasa ibunda tersebut, sama ada dari segi fonetik, fonologi, morfologi ataupun tatabahasa. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kesalahan pemindahan dari segi fonetik dan fonologi. Melalui penelitian kesalahan perpindahan fonetik, kajian ini dapat merungkai tabiat sistem bunyi bahasa Kadazandusun (BKD) yang mengganggu sebutan Arab. Sementara melalui penelitian kesalahan perpindahan fonologi, kajian ini akan mengenalpasti implikasi perubahan bunyi yang mempunyai peranan dalam mewujudkan perubahan makna bahasa Arab yang berpunca daripada gangguan bunyi BKD.

Proses analisis kesalahan bahasa dilakukan melalui pendekatan kepustakaan, kerana pendekatan tersebut bukan sahaja menyediakan gambaran menyeluruh tentang dapatan lepas, tetapi juga berfungsi sebagai panduan utama yang digunakan oleh penyelidik bagi menentukan bentuk gangguan bunyi Kadazandusun terhadap sebutan huruf Arab. Seterusnya, penyelidik membuat telahan bentuk perubahan dari segi sebutan dan makna yang berkemungkinan besar berlaku dalam konteks bacaan lima rukun *qawliyy* ibadat solat. Setelah itu, penyelidik menghasilkan sebuah deskripsi implikasi gangguan bagi mengetahui sejauh mana bentuk gangguan yang telah dikenalpasti mempengaruhi kesempurnaan ibadah solat. Pada akhirnya, solusi akan dicadangkan bagi menghindari atau setidak-tidaknya mengurangkan sebanyak mungkin kemungkinan gangguan berlaku.

Kajian ini memberikan penumpuan khusus kepada masyarakat Kadazandusun Muslim di daerah Ranau disebabkan populasi mereka di daerah ini adalah antara yang teramai di antara daerah-daerah lain seluruh Sabah iaitu seramai 48637 pada tahun 2020 berdasarkan statistik pengislaman Jabatan Hal Ehwal Agama Islam (JHEAINS), daerah Ranau (Sobi@Mohd Sobi Hadipin, 2020). Selain itu, daerah Ranau turut memiliki kemudahan infrastruktur bagi tujuan memperkukuh asas solat, bacaan al-Quran dan amal ibadah lain sama ada fardhu ain mahupun fardhu kifayah antaranya seperti Institut Latihan Islam Malaysia Kampus Kundasang. Institut yang hanya ada dua di Sabah termasuk di Kampus Lahad Datu ini dibangunkan bagi tujuan memperkasa kualiti modal insan, pengurusan dan pentadbiran hal ehwal islam di Sabah melalui sistem latihan yang komprehensif dan profesional (Institut Latihan Islam Malaysia, n.d.). Dari segi geografikal, masyarakat Kadazandusun Muslim di daerah Ranau mempunyai kelebihan dalam kajian ini kerana mereka terdiri daripada penutur dialek Bunduliwan iaitu dialek yang mempunyai nilai kebolehfahaman (*intelligibility*) yang tertinggi di antara dialek-dialek rumpun bahasa Kadazandusunik dan Paitanik lain sehingga diangkat sebagai dialek asas permiawaan dan pembakuan bahasa Kadazandusun dalam penulisan dan pertuturan di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda Pelajar (Kadazan Dusun Cultural Association Sabah, n.d.). Semua kelebihan yang disebutkan di atas menjadi nilai tambah kepada kesesuaian masyarakat Kadazandusun Muslim di daerah Ranau untuk dipilih sebagai sasaran kajian.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Umat Islam terdiri daripada penganut yang mempunyai kerencaman latar belakang melangkaui identiti, budaya, bangsa dan warna kulit. Kepelbagaian tersebut kadangkala menjadi cabaran dalam memastikan kesempurnaan suatu ibadah misalnya dalam aspek sebutan lafaz bacaan dalam ibadah solat. Ini kerana setiap kaum memiliki ciri khas sebutan dan gerakan lidah yang dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka, yang secara langsung boleh mempengaruhi penguasaan dan ketepatan sebutan dalam bacaan ibadah. Hal inilah yang dihadapi oleh masyarakat Kadazandusun ketika melafazkan bacaan Arab dalam ibadah solat.

5.1 Implikasi Gangguan Bunyi Bahasa Kadazandusun terhadap Sebutan Huruf Arab

Kajian Mohd. Taqwudin dan Veronika (2019) dan Mohd. Taqwudin et al. (2020) melaporkan penutur jati bahasa Kadazandusun (BKD) menghadapi kesukaran bagi menyebut huruf ص, ض, ط, ع, dan ح. Apa yang menariknya, huruf ini juga sukar disebut oleh penutur bahasa Melayu (Mohd Azidan, 2004). Jadual 1 menunjukkan tabiat sistem bunyi BKD yang mengundang gangguan bahasa terhadap sebutan huruf Arab.

Jadual 1 Gangguan BKD Terhadap Sebutan Huruf Arab

Bil.	Tabiat sistem bunyi BKD	Gangguan terhadap sebutan huruf Arab
1	Bunyi konsonan S BKD sama dengan huruf س	Penutur BKD sukar menyebut huruf [ص] sehingga kerap menyebutnya dengan bunyi huruf [س]
2	Bunyi konsonan D BKD sama dengan huruf د	Penutur BKD sukar menyebut huruf [ض] sehingga kerap menyebutnya dengan bunyi huruf [د]
3	Bunyi konsonan T BKD sama dengan huruf ت	Penutur BKD sukar menyebut huruf [ط] sehingga kerap menyebutnya dengan bunyi huruf [ت]
4	BKD tidak mempunyai bunyi Z, namun penuturnya dapat menyebut dengan baik kerana pengaruh bahasa Melayu (BM). Bunyi konsonan Z BM sama dengan huruf ز	Penutur BKD sukar menyebut huruf [ظ] sehingga kerap menyebutnya dengan bunyi huruf [ز]
5	Bunyi fonem ʔ BKD sama dengan huruf أ	Penutur BKD sukar menyebut huruf [ع] sehingga kerap menyebutnya dengan bunyi huruf [أ]
6	Bunyi konsonan H BKD sama dengan huruf هـ	Penutur BKD sukar menyebut huruf [ح] sehingga kerap menyebutnya dengan bunyi huruf [هـ]

5.2 Implikasi Gangguan Bunyi Kadazandusun terhadap Makna Bacaan Bagi Rukun Qawliyy dalam Ibadah Solat

Gangguan bahasa yang berlaku disebabkan perpindahan negatif antara BKD dan bahasa Arab berisiko memacu perubahan bunyi sebutan dan makna dalam bacaan ibadat solat khususnya melibatkan bacaan rukun *qawliyy*. Jadual 2 menunjukkan deskripsi telahan bentuk gangguan bahasa dan perubahan makna yang berlaku pada bacaan rukun *qawliyy* berdasarkan kamus elektronik dalam talian *almaany.com*.

Jadual 2: Telahan Bentuk Gangguan BKD Terhadap Makna Bacaan Rukun *Qamliyy*

Bil.	Bacaan	Telahan Bentuk Gangguan Bahasa dan Deskripsi Perubahan Makna
Rukun 1	<i>Takbirah al-Ibram</i>	الله أكبر Tidak berlaku gangguan bahasa
Rukun 2	Surah al-Fatihah	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (1) الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (2) الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (3) مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ (4) إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ (5) اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ (6) صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ (7) 1. Perkataan الرَّحْمَنِ menjadi الرَّحِيمِ (tidak diketahui maknanya) 2. Perkataan الرَّحِيمِ menjadi الرَّحِيمِ (tidak diketahui maknanya) 3. Perkataan الْحَمْدُ menjadi أَلْهَمْتُ (kematian/kekeringan/reput membusuk) 4. Perkataan الْعَالَمِينَ menjadi الْأَلَمِينَ (tidak diketahui maknanya) 5. Perkataan نَعْبُدُ menjadi نَأْبُدُ (kami hidup terasing) 6. Perkataan نَسْتَعِينُ menjadi نَسْتَعِينُ (tidak diketahui maknanya) 7. Perkataan الصِّرَاطَ menjadi السِّرَاتِ (tidak diketahui maknanya) 8. Perkataan أَنْعَمْتَ menjadi أَتَأَمَّتْ (tidak diketahui maknanya) 9. Perkataan عَلَيْهِمْ menjadi أَلَيْهِمْ (tidak diketahui maknanya) 10. Perkataan الْمَغْضُوبِ menjadi الْمُغْدُوبِ (tidak diketahui maknanya) 11. Perkataan الضَّالِّينَ menjadi الدَّالِّينَ (orang yang memberi tunjuk) dengan huruf Dāl berbaris <i>fathah</i> dibunyikan dengan sebutan do.
Rukun 3	Tasyahhud akhir	(التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ) 1. Perkataan التَّحِيَّاتُ menjadi التَّهِيَّاتُ (tidak diketahui maknanya) 2. Perkataan الصَّلَوَاتُ menjadi السَّلَوَاتُ (tidak diketahui maknanya) 3. Perkataan الطَّيِّبَاتُ menjadi التَّيِّبَاتُ (tidak diketahui maknanya) dengan huruf 'Ta' berbaris <i>fathah</i> dibunyikan dengan sebutan to. 4. Perkataan عَلَيْكَ menjadi أَلَيْكَ (tidak diketahui maknanya) 5. Perkataan وَرَحْمَةُ menjadi وَرَحْمُهُ (tidak diketahui maknanya) 6. Perkataan عِبَادِ menjadi إِبَادِ (tidak diketahui maknanya) 7. Perkataan الصَّالِحِينَ menjadi السَّالِحِينَ (Orang yang memiliki senjata) dengan huruf

		Sin berbaris <i>fathab</i> dibunyikan dengan sebutan so. 8. Perkataan مُحَمَّدًا menjadi مُهْمَّدًا (yang ditenangkan) 9. Perkataan عَبْدُهُ menjadi أَبْدُهُ (tidak diketahui maknanya)
Rukun 4	Selawat ke atas Nabi Muhammad pada tasyahhud akhir	(اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ) 1. Perkataan صَلِّ menjadi سَلِّ (tidak ketahui maknanya) dengan huruf Sin berbaris <i>fathab</i> dibunyikan dengan sebutan so. 2. Perkataan مُحَمَّدًا menjadi مُهْمَّدًا (yang ditenangkan) 3. Perkataan حَمِيدٌ menjadi هَمِيدٌ (harta yang rosak)
Rukun 5	Salam	السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ 1. Perkataan عَلَيْكُمْ menjadi أَلَيْكُمْ (tidak diketahui maknanya) 2. Perkataan وَرَحْمَةُ menjadi وَرْهْمَةُ (tidak diketahui maknanya)

5.3 Implikasi Gangguan Bunyi Kadazandusun terhadap Kesempurnaan Rukun Qawliyy dalam Ibadah Solat

Gangguan bunyi BKD memberi implikasi negatif terhadap kesempurnaan ibadah solat. Jadual 3 menunjukkan sejauhmana kesempurnaan rukun *qawliyy* terjejas akibat kesalahan bacaan yang mungkin berlaku.

Jadual 3: Implikasi Perubahan Sebutan dan Makna terhadap Kesempurnaan Bacaan Rukun *Qawliyy*

Rukun <i>Qawliyy</i>		Telahan Bentuk Perubahan Sebutan dan Makna	Kesalahan Bacaan	Status Kesempurnaan Rukun
Rukun 1	<i>Takbirat al-Ibram</i>	Tidak berlaku sebarang perubahan sebutan dan makna	Tiada	Sempurna
Rukun 2	Surah al-Fatihah	1. Perkataan الرَّحْمَنِ menjadi الرَّهْمَنِ (tidak diketahui maknanya) 2. Perkataan الرَّحِيمِ menjadi الرَّهِيمِ (tidak diketahui maknanya) 3. Perkataan الْحَمْدُ menjadi الْهَمْدُ (kematian/kekeringan/reput membusuk) 4. Perkataan الْعَلِيمِ menjadi الْأَلَمِينَ (tidak diketahui maknanya) 5. Perkataan نَعْبُدُ menjadi نَأْبُدُ (kami hidup terasing) 6. Perkataan نَسْتَعِينُ menjadi نَسْتَيْتِينُ (tidak diketahui maknanya) 7. Perkataan الصِّرَاطَ menjadi السِّرَاتِ (tidak diketahui maknanya)	Ada	Tidak sempurna

		8. Perkataan أَتَعْنَتْ menjadi أَتَأْتَمَتْ (tidak diketahui maknanya) 9. Perkataan عَلَيْهِمْ menjadi أَلَيْهِمْ (tidak diketahui maknanya) 10. Perkataan الْمَغْضُوبِ menjadi الْمَغْدُوبِ (tidak diketahui maknanya) 11. Perkataan الضَّالِّينَ menjadi الدَّالِّينَ (orang yang memberi tunjuk) dengan huruf Dāl berbaris <i>fathah</i> dibunyikan dengan sebutan do.		
Rukun 3	Tasyahhud akhir	1. Perkataan التَّحِيَّاتُ menjadi التَّهَيَّاتُ (tidak diketahui maknanya) 2. Perkataan الصَّلَوَاتُ menjadi السَّلَوَاتُ (tidak diketahui maknanya) 3. Perkataan الطَّيِّبَاتُ menjadi التَّيِّبَاتُ (tidak diketahui maknanya) dengan huruf 'Tā' berbaris <i>fathah</i> dibunyikan dengan sebutan to. 4. Perkataan عَلَيْكَ menjadi أَلَيْكَ (tidak diketahui maknanya) 5. Perkataan وَرَحْمُهُ menjadi وَرَحْمُهُ (tidak diketahui maknanya) 6. Perkataan عِبَادِ menjadi إِبَادِ (tidak diketahui maknanya) 7. Perkataan الصَّالِحِينَ menjadi السَّالِحِينَ (Orang yang memiliki senjata) dengan huruf Sīn berbaris <i>fathah</i> dibunyikan dengan sebutan so. 8. Perkataan مُحَمَّدًا menjadi مُهَمَّدًا (yang ditenangkan) 9. Perkataan عَبْدُهُ menjadi أَبْدُهُ (tidak diketahui maknanya)	Ada	Tidak sempurna
Rukun 4	Selawat ke atas Nabi Muhammad pada tasyahhud akhir	1. Perkataan صَلِّ menjadi سَلِّ (tidak ketahu maknanya) dengan huruf Sin berbaris <i>fathah</i> dibunyikan dengan sebutan so. 2. Perkataan مُحَمَّدًا menjadi مُهَمَّدًا (yang ditenangkan) 3. Perkataan حَمِيدٌ menjadi هَمِيدٌ (harta yang rosak)	Ada	Tidak sempurna
Rukun 5	Salam	1. Perkataan عَلَيْكُمْ menjadi أَلَيْكُمْ (tidak diketahui maknanya) 2. Perkataan وَرَحْمُهُ menjadi وَرَحْمُهُ (tidak diketahui maknanya)	Ada	Tidak sempurna

Berdasarkan Jadual 3 di atas, dapat dipastikan penutur jati BKD terdedah dengan kesalahan sebutan huruf Arab yang memberi kesan langsung kepada makna asal. Kesalahan tersebut berlaku pada semua rukun *qawliyy* kecuali rukun pertama iaitu *takebirat al-ihram*. Oleh itu, penutur jati BKD perlu berhati-hati apabila melafazkan rukun *qawliyy* kerana akibat daripada kesalahan bacaan

tersebut ialah tidak sempurnanya ibadah solat yang dikerjakan, bahkan berisiko menyebabkan solat terbatal dan tidak sah.

5.4 Implikasi Gangguan Bunyi BKD terhadap Kesempurnaan Bacaan Al-Fatihah

Secara umumnya kesalahan bacaan al-Quran seumpama surah al-Fatihah terbahagi kepada dua jenis iaitu kesalahan nyata dan kesalahan tersembunyi jika disorot berdasarkan perspektif ilmu Tajwid.

5.4.1 Kesalahan nyata (*al-Lahn al-Jaliy*)

Kesalahan nyata merujuk kepada kesalahan bacaan yang berlaku pada struktur perkataan sehingga merosakkan neraca bacaan, aspek tatabahasa dan *i'irab* (fleksi) sama ada ia membawa kepada perubahan makna perkataan tersebut atau tidak seperti perubahan huruf dengan huruf lain, baris dengan baris lain, penambahan atau pengurangan huruf, penghilangan *tasydid*, dan penghilangan bacaan panjang (Al-Husairi, 2011; Abd. Rauf, 2020). Istilah "nyata" di sini membawa maksud kesalahan yang jelas dan mudah disedari, sama ada oleh orang awam atau mereka yang berkemahiran dalam ilmu Tajwid.

Berdasarkan telahan kesalahan yang terpapar pada Jadual 3, semua perubahan sebutan yang berlaku pada bacaan al-Fatihah boleh dikategorikan sebagai kesalahan nyata atau berat. Hal ini kerana kesalahan-kesalahan tersebut mengakibatkan perubahan struktur perkataan dan makna asal kesan daripada pertukaran bunyi huruf yang ketara. Perubahan bacaan tersebut bersalahan dengan mana-mana bacaan yang diriwayatkan daripada nabi SAW. Berikut adalah telahan perubahan bacaan tersebut:

- a) Perkataan الرَّحْمَنِ menjadi الرَّحْمِي (tidak diketahui maknanya)
- b) Perkataan الرَّحِيمِ menjadi الرَّهِيْمِ (tidak diketahui maknanya)
- c) Perkataan الْحَمْدُ menjadi أَهْمْدُ (kematian/kekeringan/reput membusuk)
- d) Perkataan الْعَلَمِينَ menjadi الْأَلَمِينَ (tidak diketahui maknanya)
- e) Perkataan نَعْبُدُ menjadi نَأْبُدُ (kami hidup terasing)
- f) Perkataan نَسْتَعِينُ menjadi نَسْتَعِيْنُ (tidak diketahui maknanya)
- g) Perkataan الصِّرَاطَ menjadi السِّرَاتِ (tidak diketahui maknanya)
- h) Perkataan أَنْعَمْتَ menjadi أَتَأَمَّتْ (tidak diketahui maknanya)
- i) Perkataan عَلَيْهِمْ menjadi أَلَيْهِمْ (tidak diketahui maknanya)
- j) Perkataan الْمَغْضُوبِ menjadi الْمَغْدُوبِ (tidak diketahui maknanya)
- k) Perkataan الضَّالِّينَ menjadi الدَّالِّينَ (orang yang memberi tunjuk) dengan huruf Dāl berbaris *fathah* dibunyikan dengan sebutan do.

Selain itu, antara contoh kesalahan nyata lain yang sering berlaku dalam bacaan surah al-Fatihah ialah kesalahan bacaan yang mengubah makna perkataan, namun tidak mengubah struktur perkataan. Misalnya huruf Tā' berbaris *fathah* (baris atas) pada perkataan أَنْعَمْتَ, sekiranya ia ditukar kepada baris *dhammah* (baris depan) seperti أَتَعَمْتُ, maka tafsiran perkataan serta ayat tersebut telah berubah daripada makna asal: "(iaitu) jalan orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada

mereka” kepada makna baharu iaitu: “(iaitu) jalan orang-orang yang telah aku beri nikmat kepada mereka”.

Tambahan itu, terdapat juga kesalahan bacaan yang tidak mengubah makna serta struktur perkataan, namun mengubah baris akhir perkataan seperti baris huruf Dāl pada perkataan الْحَمْدُ. Sekiranya baris *dhammah* (baris depan) ditukar kepada baris *fathah* (baris atas) seperti الْحَمْدُ, ataupun baris *kasrah* (baris bawah) seperti الْحَمْدِ, maka makna perkataan tersebut tidak berubah sama sekali. Demikianlah keterangan dua contoh lain kesalahan nyata dalam bacaan surah al-Fatihah.

Dari segi hukum syarak, para ulama bersepakat bahawa hukum melakukan kesalahan nyata adalah haram secara *ijmā'* ulama (Bassah, 2004). Namun sekiranya seseorang itu tidak mengetahuinya atau teralpa, maka ia dimaafkan (Abd. Rauf, 2020), pada masa yang sama wajib baginya berusaha untuk tidak mengulangi kesalahan yang sama. Firman Allah SWT (Qur'an, 2:286) yang bermaksud "*Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya*".

Sedangkan dari segi implikasi ibadah, kesalahan nyata menyebabkan ibadah solat terbatal dan tidak sah. Setiap kesalahan nyata dalam bacaan surah al-Fatihah, sekiranya ia dilakukan tanpa sengaja, dan disedari kemudiannya, maka bacaan tersebut perlu diperbaiki dengan mengulang semula bacaan yang tepat. Jika tidak dibaiki, maka bacaan al-Fatihahnya tidak sah dan solatnya terbatal. Misalnya, salah satu syarat sah membaca surah al-Fatihah ialah membaca semua *tasydid* (bacaan bersabdu) yang ada dalam surah tersebut. Jika tidak dibaca tasydidnya, maka bacaan lafaz tersebut batal. Jika tidak diulang kembali, maka batal solatnya kerana rukun surah al-Fatihahnya sudah batal (Muhadir, 2018).

Selain memberi kesan kepada kesempurnaan solat secara sendirian, kesalahan nyata turut memberi implikasi kepada kelayakan untuk mengimami solat berjemaah. Ulama mazhab Syafie dan Hanbali menegaskan bahawa seorang yang melakukan kesalahan bacaan nyata disebabkan oleh masalah pertuturan, seperti gagap, yang boleh dibaiki dan dia sebenarnya mampu untuk berbuat demikian namun tidak cuba memperbetulkan bacaannya, maka solatnya dianggap tidak sah dan dia tidak boleh dijadikan imam. Sebaliknya, jika kesalahan bacaan tersebut tidak dapat diperbetulkan setelah berusaha sama ada disebabkan lidahnya ataupun kekangan masa yang singkat untuk berbuat demikian, maka solatnya secara sendirian adalah sah dan diterima, namun tidak boleh mengimami makmum yang sempurna pertuturan dan sebutannya. Walaubagaimanapun, jika makmum turut sama mempunyai masalah sepertinya maka dia dibolehkan untuk mengimami solat (“Al-Mawsū‘ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah,” 1982).

5.4.2 Kesalahan tersembunyi (al-Lahn al-Khafīy)

Kesalahan tersembunyi merujuk kepada ketidaksempurnaan pengucapan bacaan bagi sesuatu perkataan atau ayat al-Quran yang melanggar hukum Tajwid namun tidak sampai merosakkan aspek tatabahasa, *irab* dan makna (Al-Husairi, 2011; Abd. Rauf, 2020). Kesalahan ini dinamakan "tersembunyi" kerana ia hanya dapat dikenalpasti oleh individu yang berkemahiran dalam ilmu Tajwid, dan kebiasannya jenis kesalahan ini tidak disedari oleh orang awam.

Dalam konteks kajian ini, tidak didapati sebarang telahan kesalahan bacaan tersembunyi pada jadual 3. Meskipun begitu, dapatan tersebut hanya sebatas telahan bersandarkan dapatan kajian lepas yang mengandungi kemungkinan sama ada benar atau tidak. Justeru, kajian mendalam dan lebih objektif perlu dilakukan agar ketepatan telahan tersebut dapat dibuktikan.

Hal ini kerana, terdapat kesalahan nyata dalam Jadual 3 yang boleh jadi berpunca daripada kesalahan menyebut sesuatu huruf dari segi *makebraj* (titik artikulasi) ataupun sifatnya seperti *tafkhim* (tebal), *tarqiq* (nipis), *isti'la'* (tinggi), *istifal* (rendah) dan sebagainya. Jika itulah realitinya, maka kesalahan bacaan tersebut adalah tergolong dalam kesalahan tersembunyi bukannya kesalahan nyata. Kemungkinan tersebut ada asasnya kerana kajian Surul Shahbudin dan Muhammad Azhar (2015) menunjukkan kesalahan pada sifat dan *makebraj* huruf, yang turut merangkumi huruf ض, ص, ط, ع, ظ, dan ح, ialah kesalahan paling banyak dilakukan oleh pelajar universiti awam di Malaysia dengan 484 jumlah kesalahan. Implikasinya, sekiranya golongan terpelajar tidak terlepas daripada kesalahan tersebut, demikian halnya jugalah orang awam dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Berikut adalah contoh beserta analisis telahan kesalahan bacaan yang ada kemungkinan tergolong dalam kesalahan tersembunyi:

- a) Huruf Šād pada perkataan الصِّرَاطِ dilafazkan seolah bunyi huruf Sīn menjadi السِّرَاتِ
- b) Huruf Ḍād pada perkataan الْمَغْضُوبِ dilafazkan seolah bunyi huruf Dāl menjadi الْمَغْدُوبِ
- c) Huruf Ḍād pada perkataan الضَّالِّينَ menjadi الدَّالِّينَ dengan huruf Dāl berbaris *fathah* dibunyikan dengan sebutan do.

Perkataan صِرَاطٍ, misalnya, huruf Šād yang bersifat *isti'la'* (tinggi) mungkin dibaca dengan sifat *istifal* (rendah), sehingga seolah berubah bunyi huruf Šād menjadi huruf Sin. Sama halnya juga dengan huruf Ḍād pada perkataan الضَّالِّينَ yang sepatutnya dibaca dengan sifat *itbaq* (menempik) namun dibaca dengan sifat *infithab* (membuka) dan tanpa *istitalab* (berpanjangan), sehingga terkeluar seolah bunyi huruf Dāl yang dibunyikan dengan sebutan 'do'. Kedua-dua kesalahan di atas meskipun melanggar hukum Tajwid, namun ia termasuk dalam kesalahan tersembunyi. Justeru, suatu kajian melibatkan pakar ilmu Tajwid, alat serba moden dan metodologi yang lebih menyeluruh, perlu dilakukan bagi menjernihkan kesamaran tersebut.

Di samping itu, terdapat beberapa lagi kesalahan bacaan lain yang tergolong dalam kesalahan tersembunyi (Norazman et al., 2021) antaranya kesalahan memanjangkan atau memendekkan kadar *harakat* (panjang pendek membunyikan bunyi vokal) sesuatu hukum mad seperti bacaan perkataan الضَّالِّينَ. Dari sudut ilmu Tajwid, hukum mad bagi perkataan tersebut dikenali sebagai *Mad Lazīm Kalimi Muthaqqal*, di mana kadar *harakat* mad tersebut ialah enam *harakat* sahaja. Sekiranya ia dibaca dengan kurang ataupun lebih daripada kadar yang sepatutnya, maka bacaan tersebut menyalahi hukum Tajwid.

Tambahan itu, terdapat juga kesalahan membaca secara dengung pada perkataan yang tidak dibaca dengan dengung, mahupun sebaliknya, seperti bacaan pada perkataan عَلَيْهِمْ. Dari sudut ilmu Tajwid, hukum Mīm *sakinah* (mim bertanda mati) apabila bertemu dengan huruf selain huruf Mīm atau Bā', maka dikenali sebagai hukum *Izhar Shafawi*. Perkataan seumpama ini sepatutnya tidak dibaca secara dengung. Sekiranya dibaca secara dengung maka menjadi kesalahan dan melanggar hukum Tajwid.

Demikianlah juga dengan pelbagai kesalahan tersembunyi yang lain seperti tidak sempurna pengucapan baris, menambah *qalqalah* (lantunan) pada huruf yang tidak sepatutnya, terlalu menggetarkan bacaan huruf Rā', dan lain-lain. Semua kesalahan tersebut tergolong dalam kesalahan yang berkaitan ketidaksempurnaan pengucapan bacaan (Abd. Rauf, 2020).

Dari segi hukum syarak, terdapat ulama yang menyatakan haram untuk melakukan kesalahan tersembunyi secara sengaja atau mempermudah-mudahkan hukum bacaannya. Sebahagian ulama pula menyatakan hukum melakukan kesalahan tersembunyi ialah makruh (Nasr, 2000). Al-Husairi (2011) pula berpandangan hukum kesalahan tersembunyi, seperti *ghunnah* (dengung) dibaca kurang dua *harakat* atau lebih, *mad lazim* dibaca dengan lima *harakat* atau lebih enam *harakat* dan lain-lain, bukan haram ataupun makruh akan tetapi disebut sebagai *khilaf awla*, *afdal* dan *akmal*.

Manakala dari segi implikasi ibadah, sekalipun kesalahan tersembunyi mengurangi kesempurnaan ibadat solat namun tidaklah sampai menyebabkannya terbatal dan tidak sah. Ini kerana kesalahan tersebut tidak sampai mengubah makna dalam bacaan surah al-Fatihah sebagaimana implikasi yang dibawa oleh kesalahan nyata. Aspek inilah yang menjadi titik pembeza antara kesalahan tersembunyi berbanding kesalahan nyata (Al-Syarwani, 2000). Sehubungan dengan itu, imam as-Syafie menjelaskan jika kecacatan (bacaan) itu adalah kecil seperti dia menyebut huruf itu (dalam keadaan tidak sempurna, namun) masih mengikut makhrajnya maka kesalahan ini tidak membawa kepada batal solatnya (“Al-Mawsū‘ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah,” 1982). Senada dengan pandangan tersebut, Al-Syatiri (n.d.) antara lain turut menegaskan jika membaca *tasydid* pada huruf yang tidak ada *tasydid* tanpa mengubah maknanya, maka tidak membatalkan solat atau bacaannya. Namun, jika mengubah makna, maka batal bacaannya sama ada sengaja atau tidak. Sebaliknya, jika dilakukan dengan sengaja maka batal solatnya.

Berdasarkan keterangan di atas, dapat disimpulkan bahawa penutur jati BKD berisiko untuk tergelincir melakukan kesalahan bacaan al-Quran sama ada yang nyata atau tersembunyi. Bagi menghindari kerosakan sebutan dan makna, para penutur jati BKD wajar mengambil langkah berjaga-jaga dengan mempelajari ilmu Tajwid semampunya agar bacaan al-Qurannya baik dan *tartil*. Bacaan al-Quran secara *tartil* sebagaimana keterangan Saidina Ali bin Abi Talib r.a. yang dinukilkan oleh al-Jazari (2001) merujuk kepada perihal memperelok sebutan bagi setiap huruf dan mengenali tempat yang betul untuk memberhentikan bacaan. Disebabkan bacaan *tartil* menitik beratkan sebutan setiap huruf; dari segi *makhraj* yang betul, tidak mengurangkan kadar *harakat*, memelihara hak sebutan huruf berdasarkan sifat aslinya atau sifat mendatanginya, dan menjaga Tajwidnya, maka kelajuan bacaan *tartil* biasanya agak lambat namun tidaklah terlalu lambat sebagaimana bacaan *tahqiq* (Shukri et al., 2013; Al-Qabbani, 1994). Sehubungan dengan itu juga, Al-Mahmud (n.d.) menegaskan meskipun mempelajari ilmu Tajwid adalah tuntutan fardhu kifayah, namun beramal dengannya ketika membaca al-Quran adalah fardhu ain terhadap setiap *mukallaf* dalam kalangan orang Islam sama ada lelaki mahupun wanita. Oleh sebab itu, mempelajari ilmu tajwid dan berusaha memperbaiki bacaan al-Quran meski tersekat-sekat dalam bacaan adalah suatu usaha mulia. Allah SWT menjanjikan sebesar-besar ganjaran buat hamba-Nya yang rela menghabiskan waktu bersama al-Quran sebagaimana sabda Rasulullah SAW di dalam sebuah hadis (Sahih Muslim, h.1329) yang berbunyi:

"Seseorang yang lancar membaca al-Quran akan bersama para malaikat yang mulia dan sentiasa selalu taat kepada Allah SWT. Adapun, yang membaca al-Quran dan tersekat-sekat di dalamnya dan sulit atasnya bacaan tersebut, maka, baginya dua pahala."

5.5 Implikasi Gangguan Bunyi BKD terhadap Kesempurnaan Bacaan Tasyahhud Akhir, Selawat Nabi pada Tahiyat Akhir dan Salam

Jadual 3 memaparkan sembilan telahan kesalahan bacaan pada bacaan tasyahhud akhir, tiga kesalahan bacaan selawat nabi pada tahiyat akhir dan dua kesalahan bacaan salam.

Secara keseluruhannya kesalahan bacaan tersebut adalah sama jenisnya dengan kesalahan yang berlaku pada bacaan surah al-Fatihah sebelum ini, iaitu kesalahan bacaan yang mengubah struktur perkataan asal sehingga berubah makna asal disebabkan berlaku pertukaran bunyi huruf yang ketara. Kesalahan tersebut jelas merosakkan kesempurnaan ketiga-tiga rukun *qawliyy* tersebut kerana antara syarat sah rukun tersebut ialah melafazkan semua hurufnya sambil memelihara sifat huruf, tempat keluarnya dan segala *syaddahnya* (Muhadir, 2018).

Di samping itu, perbincangan dari segi hukum syarak dan implikasi kesalahan bacaan pada tiga rukun *qawliyy* ini terhadap kesempurnaan ibadah solat adalah hampir sama dengan apa yang sudah dibincang dalam implikasi kesalahan bacaan surah al-Fatihah sebelum ini.

Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu komuniti Kadazandusun di Sabah khususnya dalam memastikan kesahihan ibadah dan mencapai maksud spiritualnya. Rentetan daripada itu bagi tujuan mengesahkan telahan gangguan bunyi dan varian makna, kajian ini mencadangkan agar pada masa akan datang dilaksanakan suatu kajian susulan yang melibatkan ujian pendengaran dan analisis spektogram berbantuan Praat misalnya ke atas rakaman bacaan penutur jati BKD ketika membaca rukun *qawliyy*. Di samping itu, bidang kajian berhubung strategi pembelajaran kemahiran membaca huruf-huruf sukar dalam bacaan rukun *qawliyy* untuk membantu penutur jati BKD khususnya, dan semua kaum Muslimin yang menghadapi masalah yang sama amnya dilihat wajar diperkasakan lagi. Antara inisiatif kajian akademik yang boleh dipertimbangkan ialah menjadikan dapatan kajian semasa ini sebagai sandaran dalam pembentukan modul pembelajaran bahasa Arab bagi tujuan ibadah dalam bentuk elektronik yang mengintegrasikan fungsi elemen multimedia yang lebih inklusif, sambil menyumbang kepada perbincangan yang lebih luas mengenai kesan multilingualisme terhadap pembelajaran bahasa kedua atau ketiga serta implikasinya kepada ibadat spiritual dalam kerangka Fiqh Sabahi. Selain dilengkapi dengan pelbagai ciri pembelajaran berteknologi terkini yang bersifat anjal, interaktif, autonomi dan diperibadikan, modul elektronik atau e-modul tersebut sebaiknya menawarkan kandungan dan aktiviti pembelajaran berkesan misalnya mengandungi bab pengenalan fonetik, video demonstrasi makhraj, latihan mendengar dan membandingkan bunyi, ujian bacaan automatik, dan lain-lain yang berkaitan.

6.0 KESIMPULAN

Penutur jati Kadazandusun menghadapi kesukaran menyebut beberapa huruf Arab dengan tepat akibat perbezaan sistem bunyi antara kedua-dua bahasa. Berdasarkan paparan jadual 1, 2, dan 3, gangguan bahasa ini menyebabkan kesalahan sebutan huruf Arab yang boleh mengubah atau menghapuskan makna asal perkataan. Kesalahan ini meningkatkan risiko penutur jati Kadazandusun melakukan kesalahan bacaan yang boleh menjejaskan kesempurnaan ibadah solat. Lebih membimbangkan, kesalahan tersebut berpotensi membatalkan ibadah. Justeru, kajian ini mencadangkan agar penelitian lanjut dilakukan mengenai strategi pembelajaran huruf-huruf sukar dalam bacaan rukun *qawliyy*. Antara cadangan ialah pembangunan modul pembelajaran bahasa Arab berasaskan ibadah dalam format elektronik yang mengintegrasikan elemen multimedia untuk membantu penutur Kadazandusun dan umat Islam lain yang menghadapi cabaran serupa.

Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia di bawah skim Geran Penyelidikan Penyelidik Muda (FRGS-EC) Tahun 2024 [FRGC005-2024].

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

Senarai Rujukan

- Abd. Rauf, H.A. (2020). *Atlas Tajwid Beginner*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Abdul Rahman, M., & Ismail, A. (2020). *Tajwid dan makhraj dalam konteks pembelajaran al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shukri, A.K., Al-Quddah, A.M.M., Sulaiman, M.A.A.M., Al-Majali, M.K., Al-Quddah, M.I.M., Ghalyun, A.R.A.R.A., Al-Juyusi, A.M., & Al-Shimali, M.U. (2013). *Al-Munir Fi Ahkam at-Tajwid*. Amman: Jami'yyah Al-Muhafazah 'ala Al-Quran Al-Karim.
- Al-Bujairami, S. (1995). *Hasyiah al-Bujairimi 'ala Syarh Minhaj al-Tullab* (Jilid 1). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Husairi, M. K. (2011). *Ahkam Qir'ati al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar Al-Basyā'ir Al-Islamiyyah.
- Al-Kaf, H. A. M. (2003). *At-Taqrirat As-Sadidah Fi Al-Masail Al-Mufidah* (1st ed.). Tarim: Dar Al-'Ilm wa Ad-Dakwah. <https://archive.org/details/al-taqrirat-al-sadidah/page/n3/mode/2up> Retrieved 2 Julai 2025
- Al-Jazari, M.M. (2001). *Al-Tambid fi al-'ilm al-Tajwid*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Jurjani, A. A. (1992). *Asrar al-Balaghah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Mahmud, M. (n.d). *Hidayat al-Mustafid fi Ahkam al-Tajwid*. Halb: Al-Matba'ah Al-'Asriyyah.
- Al-Mawsū'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyyah. (1982). In *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. 45. Egypt: Wizārat al-Awqāf wa-al-Shu'ūn al-Islāmīyah, Dar at-Tawfiqīyah Li at-Turath.
- Al-Syarwani, A. H. (2000). *Hawāshī al-Shirwānī 'alā Tuhfah al-Muhtāj*. 2). Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.
- Al-Syatiri, A. U. (n.d.). *Nail al-Raja bi Syarah Safinah al-Naja*. Kuwait: Dar Al-Dhiya.
- Al-Qabbani, M.A. (1994) *Kayfiyyah al-Mustafid fi 'Ulum al-Qira'at wa al-Tajwid*. (terj. Ahmad Muhammad Abdul Ghaffar). Kuala Lumpur: Penerbit Kintan Sdn. Bhd.
- An-Nawawi, Y. S. (2014). *Al-Majmu' Syarah Al-Muhadzdzab* Jilid 3 (1st ed.). Jeddah: Maktabah Al-Irsyad.
- Arijmandi, M. K., & Behroozmand, R. (2022). On the interplay between speech perception and production: Insights from research and theories. *Frontiers in Psychology*.
- Asmah, O. (1992). *Malay and its sociolinguistic context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah, O. (1992). *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah, O. (2018). *Teori dan Kaedah Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bassah, M. 'Ali. (2004). *Al-'Amid Fi Ilm al-Tajwid*. Alexandria: Dar al-Aqidah al-Islamiyyah.
- Chaer, A., & Agustina, L. (2022). Contrastive Analysis of Phonology (Sounds, Speech, Stress, and Intonation) of Arabic and Indonesian Languages. *Al-Afkar Journal*, 10(3), 45-60.
- Chodroff, E., & Tanner, J. (2022). Multidimensional acoustic variation in vowels across English dialects. *Proceedings of the 19th SIGMORPHON Workshop on Computational Research in Phonetics, Phonology, and Morphology*.
- Crystal, D. (2008). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics* (6th ed.). Oxford: Wiley-Blackwell.

- Harun, M. N. (2018). *Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Isu dan cabaran*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Ehala, M. (2010). Ethnolinguistic vitality and intergroup processes. *Multilingua*, 29(2), 203–221. DOI: <https://doi.org/10.1515/mult.2010.009>
- Institut Latihan Islam Malaysia. (n.d.). Retrieved June 21, 2025, from <https://ilim.islam.gov.my/ms/kampus/ilim-kampus-kundasang>
- Kadazan Dusun Cultural Association Sabah. (n.d.). Retrieved June 21, 2025, from <https://kdca.org.my/about/hongkodkoisaan/language>
- Katamba, F. (2005). *An Introduction to Phonology*. London; New York: Longman.
- Ladefoged, P. (1997). *The Sounds of the World's Languages*. New Jersey: Wiley-Blackwell.
- Ladefoged, P., & Johnson, K. (2015). *A Course in Phonetics* (7th ed.). Stamford, CT: Cengage Learning.
- Mat Zin, M. K. (2003). *Kristian di Sabah 1881- 1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Taqwudin, M. Y., Veronica P. A., & Saidatul Nornis, M. (2020). Gangguan Bunyi Bahasa Kadazandusun dalam Sebutan Arab oleh Etnik Kadazandusun di Ranau, Sabah. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 69–96. DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.vi.2641>
- Mohd Azidan, A. J. (2004). Gangguan bunyi Melayu dalam sebutan Arab: satu analisis ringkas. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 12(2), 101–110.
- Mohd Hamdan, A. (2013). Malaysia's 13th General Election in Sabah: Factors Determining the Winners. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 40(December), 93–112.
- Mohd Nur Hidayat, H. H., Abang Mohd Razif A. M., Saifulazry, M., Irma Wani, O., Mohd Sohaimi, E., Romzi, A., & Jais A. H. (2021). Gerakan Dakwah dan Implikasinya Terhadap Peningkatan Komposisi Muslim di Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 125–139. DOI: <https://doi.org/10.35631/ijlgc.623009>
- Mohd Shaffie A. B. (1991). *Metodologi Penyelidikan* (2nd ed.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Taqwudin, M. Y., & Veronica P. A. (2019). Similarities and Differences: A Preliminary Comparative Study of Arabic and Kadazandusun Phonology. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 9(2), 804–817. DOI: <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v9-i2/5617>
- Muhadir, J. (2018). *Praktikal Solat Sempurna*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn Bhd.
- Nasr, A. Q. (2000). *Ghayab al-Murid Fi Ilm al-Tajwid*. Jeddah: Maktabah Kunuz al-Ma'rifah.
- Nirwana, S., & Zulkifley, H. (2016). Pantun melayu sebagai cerminan kebitaraan perenggu minda melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2), 145–159.
- Noor Aina, D., & Mhd. Amin, A. (1998). Teori Dan Realiti Perubahan Bahasa: Daripada Bahasa Ibunda Kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 4(3), 409–451.
- Norazman, A., Zainora, D., & Anuar, H. (2021). Tilawah Surah Al-Fatihah: Antara Isu Kesalahan Bacaan dalam Ilmu Tajwid dan Kesahan Solat Menurut Ilmu Fekah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 254–266.
- O'Grady, W., Archibald, J., Aronoff, M., & Rees-Miller, J. (2011). *Contemporary Linguistics: An Introduction* (6th ed.). Boston: Bedford/St. Martin's.
- Regina, L. (2008). *Federal state relations in Sabah, Malaysia: the BERJAYA administration, 1976-85*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Richards, J. C., Platt, J. T., & Weber, H. (1992). *Longman Dictionary of Applied Linguistics*. London: Longman.

- Saputra, S. (2023). Pembelajaran Bahasa Al-Quran Perspektif Fonologi. *Educate: Journal of Education and Culture*, 1(2), 88-95.
- Sarif, A., & Nurharini, F. (2022). Efektivitas Metode Bernyanyi Dalam Meningkatkan Penguasaan Kosakata Bahasa Arab. *Mumtaz̤a: Journal of Arabic Teaching, Linguistic and Literature*, 1(2), 61-70.
- Suraya, S. (2013). *Kebidupan Beragama Masyarakat Kadasundun*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Surul, S. H., & Muhammad, A. Z. (2015). Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar di Sebuah IPTA. *The Online Journal of Islamic Education*, 3(2), 1–9. http://e-journal.um.edu.my/filebank/published_article/8055/Artikel_7_-_Bentuk_Kesalahan.pdf
- Tanner, J., Sonderegger, M., & Stuart-Smith, J. (2022). Multidimensional acoustic variation in vowels across English dialects. *Proceedings of the 19th SIGMORPHON Workshop on Computational Research in Phonetics, Phonology, and Morphology*. 72–8). Seattle, WA: Association for Computational Linguistics. <https://doi.org/10.18653/v1/2022.sigmorphon-1.8>
- Tiankun, L. (2021). The Influence of Dialect Environment on Second Language Acquisition and Countermeasures. *Curriculum and Teaching Methodology*. 4: 32-46. DOI: <http://dx.doi.org/10.23977/curtm.2021.040307>.